


# Pecahan Positif dan Negatif

Pecahan boleh ditandakan pada garis nombor (number line).


Pecahan positif (positive fraction) adalah pecahan dengan atau tanpa tanda (sign) positif (+), dan mempunyai nilai yang lebih besar daripada sifar (zero). Contohnya,  $+ 6/7$ ,  $+ 5/8$ ,  $+ 2/9$  boleh ditulis tanpa tanda '+':  $6/7$ ,  $5/8$ ,  $2/9$ .

Pecahan negatif merupakan pecahan dengan tanda negatif (-), yang mempunyai nilai yang kurang daripada sifar. Contohnya,  $-3/4$ ,  $-1/5$ ,  $-5/11$ .

Pada garis nombor melintang (horizontal number line), pecahan positif adalah kesemua pecahan yang disebelah kanan sifar (0), manakala pecahan negatif kesemua pecahan yang di sebelah kiri sifar (0).



Pada garis nombor menegak (vertical number line), pecahan positif adalah kesemua pecahan di atas daripada sifar (0), manakala pecahan negatif adalah kesemua pecahan yang di bawah sifar (0).



## **Melaksanakan penambahan, penolakan, pendaraban atau pembahagian pecahan.**

Kaedah-kaedah untuk menambah, menolak, mendarab, atau membahagi pecahan positif dan negatif, adalah sama seperti dilakukan pada integer-integer.

Tanda kurungan (brackets) gunakan untuk membezakan operasi dari tanda-tanda nombor. Contohnya:

$$+(+) = +, \quad +(-) = -, \quad -(+) = -, \quad -(-) = +$$

### **Contoh 1:**

Selesaikan yang berikut.

- $-1/8 + (-1/3)$

Jwb:

$$= -1/8 - 1/3$$

GSTK (LCM) bagi 8 dan 3 adalah 24.

$$= -3/24 - 8/24$$

$$= -11/24$$

- $-2/7 - (-1/5)$

Jwb:

$$= -2/7 + 1/5$$

GSTK (LCM) bagi 7 dan 5 adalah 35.

$$= -10/35 + 7/35$$

$$= -3/35$$

**Contoh 2:**

Kirakan yang berikut.

- $\frac{5}{6} \times (-\frac{7}{10})$

Jwb:

$$= \frac{5}{6} \times (-\frac{7}{10})$$

$$= -\frac{7}{12}$$

- $-\frac{3}{5} \div (-\frac{9}{25})$

Jwb:

$$-\frac{3}{5} \div (-\frac{9}{25}) = -\frac{3}{5} \times (-\frac{25}{9})$$

$$= \frac{5}{3}$$